

# Harith Amar, Zaidatul Husniah kuasai 100m

Oleh **MOHAMAD FAIZAL HASHIM**

sukah@utusan.com.my

**JOHOR BAHRU** - Jaguh pecut Universiti Malaysia (UM), Harith Amar Mohd. Sobri dinobatkan sebagai raja pecut Sukan Institut Pendidikan Tinggi (SukIPT) 2016 selepas mengungguli acara 100 meter lelaki, semalam.

Zaidatul Husniah Zulkifli daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) pula pulang dengan gelaran ratu pecut selepas menjuarai saingan 100m wanita.

Harith Amar menamatkan saingan akhir riben biru itu dengan catatan masa 10.53 saat untuk rekod baharu kejohanan begitu juga Zaidatul Husniah dengan catatan baharu 11.83s.

Pada saingan akhir acara 100m lelaki, Harith Amar berjaya menewaskan Aravinn Thevarr dari Help Universiti yang menamatkan saingan dengan masa 10.57s, manakala gangsa milik atlet daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM), Muhammad Aqil Yasmin (10.92s).

Dalam kategori wanita, Zaidatul Husniah menewaskan kembarnya sendiri, Zaidatul Husna yang menamatkan saingan dengan catatan 12.28s dan gangsa dimenangi Yuliana dari Universiti Jakarta (12.66s).

Sementara itu, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mengekalkan penguasaan dalam bola tampar wanita selepas meraih emas untuk tiga edisi berturut-turut.

Tuan rumah menundukkan INTI International University (INTI IU) 25-16, 25-19, 28-26 dalam perlawanan akhir.

Bagi acara bola tampar lelaki, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) merangkul pingat emas selepas menewaskan UPM dalam pertarungan sengit yang berlangsung lima set 30-28, 22-25, 25-16,

25-27, 16-14.

Dalam acara skuasy, pemain kebangsaan, Yuen Chee Wern dari UPM muncul juara perseorangan lelaki selepas menewaskan rakan sepasukan, Gurshan Singh 11-8, 11-8, 11-3.

Ini adalah emas kedua bertu-

rut-turut diraih Chee Wern dalam SukIPT.

Kejuaraan perseorangan wanita pula menjadi milik May Ng Zi Ling dari UM selepas mengecewakan Nattasha Ariffin dari Politeknik Pu-

lau Pinang 11-2, 11-6, 13-11.

"Kemenangan ini amat bermakna, apatah lagi saya menewaskan bekas pemain kebangsaan (P. Pushppa Devi, UPM) pada separuh akhir," kata May.



**HARITH AMAR MOHD. SOBRI** (tengah) muncul pelari ter pantas SukIPT 2016 selepas menjuarai acara 100 meter di Stadium UTM, Skudai, semalam. - UTUSAN/MOHD. HAZROL ZAINAL